

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.11.2017

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk melepaskan pegangan kerajaan di dalam PLUS Malaysia Berhad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 5 September 2017, Maju Holdings Sdn Bhd (Maju Holdings), telah menyerahkan Surat Hasrat Tanpa Ikatan 4-muka (*Non-Binding Letter of Intent*) untuk mengambil alih PLUS Malaysia Berhad (PLUS). Surat tersebut diserahkan kepada Pengerusi pemegang saham PLUS iaitu UEM

Group Berhad (UEM Group) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

(KWSP).

UEM Group merupakan sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) milik penuh dana pelaburan milik Kerajaan iaitu Khazanah Nasional Berhad. UEM Group dan KWSP masing-masing memegang 51% dan 49% kepentingan dalam PLUS iaitu syarikat pengendali lebuhraya terbesar di negara ini.

Melalui surat tersebut, Maju Holdings menyatakan tawaran pengambil alihan PLUS berharga RM31.4 bilion yang dikatakan akan dibiayai oleh sebuah bank antarabangsa utama yang tidak dinamakan. Maju Holdings juga antara lainnya berjanji untuk membekukan kadar tol di lebuhraya PLUS bagi tempoh 20 tahun akan datang, mengeneppikan pampasan Kerajaan sebanyak RM900 juta serta memasang lampu di Lebuhraya Utara-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan berkaitan pengambil alihan PLUS. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut mestilah praktikal untuk mengelakkan nasib yang dialami oleh Perwaja yang telah diswastakan hanya untuk ditutup kemudian. Cadangan pengambil alihan tersebut tidak boleh dilihat semata-mata

dari sudut untuk tidak menaikkan caj tol selama beberapa tahun dan kos penyelenggaraan yang rendah. Ia juga perlu menepati keperluan Kerajaan dan ini termasuk kemampuan operasi dan kewangan untuk mengurus Lebuhraya Utara-Selatan dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, cadangan pengambil alihan PLUS perlu disokong dengan punca pendanaan yang jelas dan kukuh serta keupayaan operasi untuk memastikan pengendali aset strategik negara ini tidak berdepan dengan permasalahan kewangan sekiranya berlaku kejutan ekonomi (*economic shock*), mahupun keteruapan pertukaran mata wang asing (*foreign exchange volatility*). Hal ini penting bagi memastikan Kerajaan tidak perlu menyelamatkan ataupun, dengan izin, *bailout* PLUS sekiranya perkara yang tidak diingini terjadi.

Dalam hal ini, Kerajaan memandang serius akan kedudukan kewangan serta kemampuan entiti persendirian seperti Maju Holdings untuk membiayai cadangan pengambil alihan korporat ini yang disyorkan pada harga RM31.4 bilion.

Oleh kerana terdapat ketidakpastian dan risiko berkaitan kemampuan serta sumber pendanaan yang tidak jelas, Kerajaan buat masa ini tidak mempunyai perancangan untuk melepaskan pegangan dalam

PLUS kepada Maju Holdings.